

06/01/1997

NCWO mahu panel di setiap negeri

KUALA LUMPUR, Ahad - Penubuhan satu badan pemerhati bebas di setiap negeri bagi mengawasi hal ehwal perundangan keluarga Islam serta membantu pihak teraniaya dalam sesuatu keluarga, ialah antara cadangan yang akan dikemukakan kepada Perdana Menteri.

Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO) yang menyerahkan memorandum berhubung poligami kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 11 Disember lalu, kini menghasilkan satu lagi memorandum mengandungi 11 cadangan untuk pertimbangan kerajaan dalam menangani ketidakadilan dan kelemahan perundangan keluarga Islam di negara ini.

Memorandum mengenai Reformasi Undang-undang Keluarga Islam dan Pentadbiran Keadilan Dalam Sistem Syariah di Malaysia itu menyatakan bahawa badan badan itu akan ditugaskan mengawasi kursus kekeluargaan anjuran pihak berkuasa agama agar ia memberi gambaran tepat dan saksama tentang hak dan tanggungjawab lelaki dan wanita dalam keluarga.

NCWO berkata penjelasan yang diberikan dalam memorandum itu berhubung keperluan penubuhan badan sedemikian adalah berikutan kecenderungan hakim Mahkamah Syariah dan kakitangan pejabat agama negeri bersikap negatif terhadap wanita yang menghadapi masalah rumah tangga.

"Masih terdapat tanggapan bahawa wanita adalah punca sesuatu masalah rumah tangga dan mereka dinafikan haknya berbanding kaum lelaki," kata wakil Persatuan Peguam-peguam Wanita Noor Farida Ariffin pada bengkel anjuran NCWO berhubung Reformasi Undang-undang Keluarga Islam Serta Pelaksanaan dan Pentadbirannya di sini semalam.

Bengkel itu mengesahkan kandungan memorandum itu di samping mengemukakan beberapa cadangan tambahan kepada draf yang dirangka oleh Persatuan Peguam-peguam Wanita dan sebuah pertubuhan wanita, Sisters In Islam.

Menurut Presiden Sisters In Islam, Salbiah Ahmad bengkel berkenaan adalah pertemuan julung kalinya bagi wanita-wanita Islam membincangkan masalah perundangan keluarga Islam.

(END)